

TARIKH : 17 JUN 2025

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA : 3
SURAT

'Selamat maju jaya Rafizi'

Oleh Mahanum
Abdul Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya fikir tidak ada keperluan untuk kita rombak apa-apa setakat ini.

"...dan saya ucap selamat maju jaya kepada Rafizi yang telah berkhidmat begitu baik sebagai Menteri Ekonomi," kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada masa sama, menurut Anwar, tiada keperluan untuk merombak Kementerian Ekonomi.

Anwar berkata demikian bagi mengulas ura-ura Kementerian itu akan ditutup selepas Datuk Seri Rafizi Ramli melepaskan jawatan sebagai anggota Kabinet.

"Saya akan putuskan pada waktunya mana-mana menteri atau kementerian menjalankan tugas," katanya di Persidangan Energy Asia 2025, di sini, semalam.

Anwar turut menjelaskan, Kementerian Ekonomi, dulunya Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan kemudian dalam beberapa tahun ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH)

TIADA KEPERLUAN ROMBAK KEMENTERIAN EKONOMI

'Selamat maju jaya Rafizi'



Saya akan putuskan pada waktunya mana-mana menteri atau kementerian menjalankan tugas. Buat masa ini, tiada isu, tiada masalah. Jadi, mari kita teruskan"

Anwar

yang pertama, dibentuk sebagai satu kementerian.

Beliau berkata, EPU adalah agensi yang berkesan di bawah JPM, dan kemudian sebuah kementerian ditubuhkan yang sebenarnya menguruskan fungsi EPU.

"Buat masa ini, tiada isu, tiada masalah. Jadi, mari kita teruskan," katanya.

BH semalam, melaporkan bahawa dikatakan ada ura-ura untuk 'menutup'

Kementerian Ekonomi selepas Rafizi melepaskan jawatan anggota Kabinet.

BH difahamkan, terdapat perbincangan memandulkan kementerian itu dengan mewujudkan semula EPU di bawah JPM sebagai satu agensi Pusat.

Menurut sumber, sebagai pilihan untuk menggantikan fungsi dan peranan Rafizi dalam hal ehwal ekonomi, antara cadangannya adalah melan-

tik Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Mengenai status peletakan jawatan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Nik Nazmi Nik Ahmad, Anwar berkata, beliau sudah memberi ruang kepada Nik Nazmi untuk berfikir dan menunggu keputusan untuk melepaskan jawatan itu.

Perdana Menteri juga sudah memberikan pandangannya bahawa adalah lebih baik untuk Nik Nazmi terus berkhidmat.

Mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Anwar berkata, RMK13 membabitkan kerja Jemaah Menteri secara keseluruhannya.

Anwar berkata, memandang banyak perubahan yang berlaku dalam ekonomi global seperti tarif, justeru banyak angka unjuran yang perlu dirombak.